



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA Minggu Ke 9 (Dalam tempoh 1 hingga 7 Mac 2009)

Sejumlah 979 kes denggi dengan 2 kematian dilaporkan sepanjang minggu 9 iaitu bagi tempoh 1 hingga 7 Mac 2009. Kedua-dua kematian yang dilaporkan adalah daripada negeri Selangor (Shah Alam dan Gombak). Jumlah kumulatif kes denggi sehingga 7 Mac 2009 ialah sebanyak 10,916 kes dengan 31 kematian, masih 35% lebih tinggi berbanding dengan kes yang dilaporkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2008 iaitu, 7,134 kes dengan 12 kematian. Sebanyak 52% kes dan 71% kematian yang dilaporkan adalah daripada negeri Selangor yang merupakan penyumbang tertinggi. Walaupun keseluruhan kes telah menurun, tetapi kes denggi di negeri Pulau Pinang, Perak dan Kedah telah meningkat. (Rujuk Lampiran A)

Secara keseluruhan, kes yang dilaporkan pada tahun 2009 telah menunjukkan *trend* penurunan, namun jumlah kes denggi masih lagi tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2008. Pada minggu pertama jumlah kes denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,633 kes dengan 4 kematian, turun sebanyak 654 kes(40.0%) kepada 979 kes dengan 2 kematian pada minggu ke sembilan 2009.

Sehingga 7 Mac 2009 terdapat sebanyak 51 hot spot telah dikenal pasti dan semuanya adalah daripada Negeri Selangor. (Rujuk Lampiran C). Sepanjang minggu lepas, sejumlah 10 lokaliti telah bebas daripada senarai hot spot(Lampiran E), tetapi dalam masa yang sama terdapat 26 lokaliti hot spot baru(Lampiran D) menjadikan jumlah sebenar adalah 51 lokaliti hot spot berbanding 35 hot spot pada minggu sebelumnya.

Sepanjang minggu lepas sejumlah 56 aktiviti gotong royong telah dijalankan di seluruh negara melibatkan penyertaan seramai 2,476 orang. Jumlah terkumpul gotong royong sepanjang tahun ini adalah berjumlah 405 aktiviti dengan 19,248 penyertaan. Sebagai makluman, didapati bahawa 84% lokaliti yang mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan mereka serta memeriksa dan memusnahkan tempat pembiakan *Aedes* secara berkala telah dapat menurunkan kes denggi. Adalah diharapkan lebih ramai ketua masyarakat tempatan dapat menganjurkan aktiviti gotong-royong di kawasan mereka secara regular yang bukan sahaja berfaedah membersihkan kawasan persekitaran tetapi juga dapat menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.

Maklumat daripada kes yang dilaporkan mendapati bahawa 80% daripada tempat-tempat yang melaporkan kes demam denggi mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi. Hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa 74% daripada premis positif pembiakan nyamuk *Aedes* adalah rumah kediaman dan kedai. Pemeriksaan juga menunjukkan pembiakan *Aedes* yang tinggi terdapat di projek perumahan terbengkalai, pembahagi jalan, tapak binaan dan taman permainan /

rekreasi. Sepanjang tempoh dalam bulan Januari 2009 sejumlah 1,190 kompaun telah dikeluarkan dengan amaun sebanyak RM195,810. Manakala sebanyak 1,117 notis juga dikeluarkan bagi mengarahkan pembersihan tempat yang berpotensi menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

Status terkini pemantauan penyakit Chikungunya memaklumkan bahawa pada minggu lepas (minggu 9 tahun 2009), sejumlah 48 kes Chikungunya telah dilaporkan di seluruh negara, penurunan sebanyak 33 kes atau 41% dibandingkan dengan minggu sebelumnya(81 kes). Majoriti kes yang dilaporkan adalah daripada Kelantan(16), Selangor(9) dan Perak(9). Jumlah terkumpul kes untuk tahun 2009 adalah 1,012 kes dimana seramai 622 kes atau 61% di rawat sebagai pesakit luar dan bakinya 39% atau 390 kes dirawat sebagai pesakit dalam. Tiada kes yang melibatkan kematian dilaporkan setakat ini.

Walaupun terdapat trend penurunan bagi kes Denggi dan Chikungunya seperti yang dilaporkan, aktiviti kawalan dan pencegahan terutamanya untuk nyamuk aedes, pembawa demam Denggi dan Chikungunya perlu dilakukan secara berterusan bagi mengekalkan trend pengurangan kes dan lokaliti wabak atau hot spot. Semua pihak termasuk individu perlu terus meningkatkan aktiviti menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes secara berterusan. Langkah-langkah yang disenaraikan seperti berikut adalah beberapa contoh yang boleh dilaksanakan.

- a) Luangkan masa 10 minit untuk mengesan dan menghapuskan tempat atau bekas pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah kediaman sekurang-kurangnya seminggu sekali.

- b) Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air yang sukar untuk dikosongkan seperti tangki air utama dan sistem tanah.
- c) Menyembur aerosol pembunuh nyamuk *Aedes* di tempat gelap dan tersembunyi di dalam dan luar rumah mengikut sukatan yang ditetapkan oleh pembuat.
- d) Dapatkan rawatan segera apabila mengalami tanda-tanda penyakit demam denggi seperti demam, sakit badan, sakit kepala dan ruam di klinik berdekatan. Langkah ini dapat membantu kerajaan dalam mengesan kes diperingkat awal dan memulakan aktiviti kawalan dengan segera.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 11 Mac 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 9/2009
DI SELURUH NEGARA MENGIKUT NEGERI.**

| Bil | Negeri | Jumlah Kes | | Jumlah Kes Terkumpul Minggu 1- 9Tahun 2009 | Jumlah Kes Bagi Tempoh Sama 2008 |
|-----|----------------|----------------------------|-----------------------------|---|--|
| | | Minggu 8/09 (22-28 Feb) | Minggu 9/09 (1-7 Mac) | | |
| 1. | PERLIS | 1 | 3 | 28 | 28 |
| 2. | KEDAH | 14 | 16 | 269 | 217 |
| 3. | PULAU PINANG | 30 | 57 | 520 | 326 |
| 4. | PERAK | 95 | 111 | 885 (1) | 854 |
| 5. | SELANGOR | 532 (7) | 507 (2) | 5186 (20) | 2659 (5) |
| 6. | WPKL/PUTRAJAYA | 93 | 85 | 897 (4) | 856 |
| 7. | N.SEMBILAN | 13 | 14 | 187 (2) | 201 |
| 8. | MELAKA | 12 | 6 | 132 | 106 |
| 9. | JOHOR | 63 | 39 | 514 (2) | 524 (4) |
| 10. | PAHANG | 21 | 23 | 225 | 329 |
| 11. | TERENGGANU | 33 | 29 | 210 | 388 (2) |
| 12. | KELANTAN | 32 | 35 | 289 | 304 (1) |
| 13. | SARAWAK | 45 | 40 | 375 | 278 |
| 14. | SABAH | 29 | 11 | 214 (1) | 229 |
| 15. | LABUAN | 4 | 3 | 6 | 8 |
| | Jumlah | 1,017 (7) | 979 (2) | 10,916 (31) | 7,307 (12) |

Nota: () Kematian

Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

11 Mac 2009.

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID KE 8 DAN 9 BAGI TAHUN 2009**

| Bil | Negeri | Bilangan Kes | | Jumlah Kes Terkumpul Minggu 1-9 Tahun 2009 | Jumlah Kes bagi tahun 2008 |
|-----|-----------------|---------------------------|-----------------------|---|-------------------------------------|
| | | Minggu 8 (22-28 Feb09) | Minggu 9 (1-7 Mac) | | |
| 1 | Selangor | 28 | 9 | 229 | 353 |
| 2 | Kelantan | 28 | 16 | 241 | 135 |
| 3 | Perak | 19 | 9 | 205 | 590 |
| 4 | Johor | 2 | 3 | 89 | 1,846 |
| 5 | Kedah | 0 | 0 | 30 | 181 |
| 6 | Pahang | 5 | 1 | 52 | 341 |
| 7 | Pulau Pinang | 2 | 1 | 47 | 6 |
| 8 | WP KL-Putrajaya | 6 | 4 | 53 | 27 |
| 9 | Negeri Sembilan | 0 | 3 | 21 | 176 |
| 10 | Perlis | 8 | 0 | 14 | 3 |
| 11 | Melaka | 0 | 0 | 0 | 606 |
| 12 | Terengganu | 2 | 2 | 30 | 4 |
| 13 | Sarawak | 1 | 0 | 1 | 3 |
| 14 | Sabah | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | Malaysia | 94 | 48 | 1012 | 4,271 |

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

10 Mac 2009

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 7 MAC 2009

| Bil | Negeri | Daerah/ Zon/PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|-----|----------|--------------------|-------------------------------|---------------|--------------------------------------|
| 1 | SELANGOR | PT | Seksyen 7 Flat A | 67 | 156 |
| 2 | SELANGOR | GB | Taman Sri Gombak Z3 | 49 | 146 |
| 3 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 24 Teres D | 45 | 130 |
| 4 | SELANGOR | PT | Seksyen 7 Teres A | 51 | 123 |
| 5 | SELANGOR | PT | Seksyen 18 Teres A | 43 | 121 |
| 6 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 18 Flat 18/43 | 32 | 110 |
| 7 | SELANGOR | MPSJ | Taman Puchong Perdana | 47 | 106 |
| 8 | SELANGOR | MBSA | Padang Jawa C | 62 | 106 |
| 9 | SELANGOR | GB | Kg Laksamana | 38 | 105 |
| 10 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 25 Teres A | 55 | 100 |
| 11 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 20 Flat PKNS | 27 | 96 |
| 12 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 6 Flat | 23 | 91 |
| 13 | SELANGOR | PT | Seksyen 18 Teres B | 24 | 90 |
| 14 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 27 Teres C | 49 | 83 |
| 15 | SELANGOR | MBSA | Seks 33 Taman Alam Indah | 26 | 82 |
| 16 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 8 Teres A | 20 | 80 |
| 17 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 25 Teres B | 17 | 78 |
| 18 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 8 Flat 8A | 24 | 74 |
| 19 | SELANGOR | MPSJ | Bandar Puchong Jaya | 41 | 73 |
| 20 | SELANGOR | SP | Taman Seroja Zon B | 11 | 72 |
| 21 | SELANGOR | MPK | Persiaran Bukit Raja | 17 | 67 |
| 22 | SELANGOR | MBSA | Nusa Subang | 12 | 65 |
| 23 | SELANGOR | MPSJ | Pusat Bandar Puchong | 38 | 64 |
| 24 | SELANGOR | MPK | Taman Kg Kuantan | 14 | 62 |
| 25 | SELANGOR | MPSJ | Bandar Puteri | 14 | 57 |
| 26 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 7 Teres D | 41 | 53 |
| 27 | SELANGOR | MBSA | Kolej Jati | 12 | 52 |
| 28 | SELANGOR | MPK | Taman Setia | 11 | 52 |
| 29 | SELANGOR | MPK | Taman Cempakasari Zon 2 | 7 | 48 |
| 30 | SELANGOR | HS | Apt. Teratai, Bukit Beruntung | 16 | 47 |
| 31 | SELANGOR | MPKj | Seksyen 1 Bandar Teknologi | 5 | 44 |
| 32 | SELANGOR | MPAJ | Taman Bukit Indah Zon C | 6 | 44 |

| Bil | Negeri | Daerah/ Zon/PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|-----|----------|--------------------|------------------------------|---------------|--------------------------------------|
| 33 | SELANGOR | MPKj | Zon 1 Taman Taming Jaya | 7 | 43 |
| 34 | SELANGOR | GB | Bandar Baru Selayang F1 | 9 | 43 |
| 35 | SELANGOR | GB | Appt. Fiona | 6 | 43 |
| 36 | SELANGOR | SP | Taman Seroja Zon A | 5 | 43 |
| 37 | SELANGOR | MPKj | Sg Chua | 7 | 41 |
| 38 | SELANGOR | GB | Taman Laksamana Puri | 8 | 41 |
| 39 | SELANGOR | PT | Seksyen 17C | 14 | 40 |
| 40 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 17 Teres A | 11 | 39 |
| 41 | SELANGOR | GB | Kg Nakhoda Kiri | 6 | 39 |
| 42 | SELANGOR | GB | Kg Bendahara | 8 | 37 |
| 43 | SELANGOR | MBSA | Seksyen U3 Appt Daisy | 5 | 36 |
| 44 | SELANGOR | PT | Seksyen 7 Flat D | 6 | 36 |
| 45 | SELANGOR | HS | Apt. Kenanga Bukit Beruntung | 7 | 36 |
| 46 | SELANGOR | MPKj | Taman Kajang Raya | 8 | 35 |
| 47 | SELANGOR | MPK | Taman Palm Grove | 14 | 35 |
| 48 | SELANGOR | GB | Taman Jasa Utama | 4 | 34 |
| 49 | SELANGOR | MPAJ | Taman Ukay Perdana Zon 2 | 6 | 33 |
| 50 | SELANGOR | MPS | Kg Melayu Batu 16 | 9 | 33 |
| 51 | SELANGOR | MPKj | Taman Cheras Jaya | 7 | 31 |

SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 9 (1 - 7 MAC 2009)

| Bil | Negeri | Daerah/Zon /PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tamat Pada |
|-----|----------|-----------------|-------------------------------|------------|------------|
| 1 | SELANGOR | GB | Taman Sri Gombak Z3 | 49 | 24/3/09 |
| 2 | SELANGOR | MBSA | Nusa Subang | 12 | 29/3/09 |
| 3 | SELANGOR | MPK | Taman Cempakasari Zon 2 | 7 | 26/3/09 |
| 4 | SELANGOR | HS | Apt. Teratai, Bukit Beruntung | 16 | 22/3/09 |
| 5 | SELANGOR | MPKj | Seksyen 1 Bandar Teknologi | 5 | 18/3/09 |
| 6 | SELANGOR | MPAJ | Taman Bukit Indah Zon C | 6 | 23/3/09 |
| 7 | SELANGOR | MPKj | Zon 1 Taman Taming Jaya | 7 | 17/3/09 |
| 8 | SELANGOR | GB | Bandar Baru Selayang F1 | 9 | 25/3/09 |
| 9 | SELANGOR | GB | Appt. Fiona | 6 | 21/3/09 |
| 10 | SELANGOR | SP | Taman Seroja Zon A | 5 | 19/3/09 |
| 11 | SELANGOR | MPKj | Sg Chua | 7 | 30/3/09 |
| 12 | SELANGOR | GB | Taman Laksamana Puri | 8 | 27/3/09 |
| 13 | SELANGOR | PT | Seksyen 17C | 14 | 27/3/09 |
| 14 | SELANGOR | MBSA | Seksyen 17 Teres A | 11 | 22/3/09 |
| 15 | SELANGOR | GB | Kg Nakhoda Kiri | 6 | 24/3/09 |
| 16 | SELANGOR | GB | Kg Bendahara | 8 | 18/3/09 |
| 17 | SELANGOR | MBSA | Seksyen U3 Appt Daisy | 5 | 20/3/09 |
| 18 | SELANGOR | PT | Seksyen 7 Flat D | 6 | 21/3/09 |
| 19 | SELANGOR | HS | Apt. Kenanga Bukit Beruntung | 7 | 20/3/09 |
| 20 | SELANGOR | MPKj | Taman Kajang Raya | 8 | 20/3/09 |
| 21 | SELANGOR | MPK | Taman Palm Grove | 14 | 31/3/09 |
| 22 | SELANGOR | GB | Taman Jasa Utama | 4 | 25/3/09 |
| 23 | SELANGOR | MPAJ | Taman Ukay Perdana Zon 2 | 6 | 20/3/09 |
| 24 | SELANGOR | MPS | Kg Melayu Batu 16 | 9 | 24/3/09 |
| 25 | SELANGOR | MPSJ | Pusat Bandar Puchong | 38 | 24/3/09 |
| 26 | SELANGOR | MPKj | Tmn Cheras jaya | 7 | 29/3/09 |

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 9 (1 – 7 MAC 2009)

| Bil | Negeri | Daerah/Zon / PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|-----|----------|------------------|-------------------------------|------------|-----------------------------|
| 1 | SELANGOR | MPKj | Zon 1 Sek 8 BB Bangi | 51 | 94 |
| 2 | SELANGOR | GB | Bandar Baru Selayang F2 | 59 | 72 |
| 3 | SELANGOR | MPSJ | Pusat Bandar Puchong | 33 | 51 |
| 4 | SELANGOR | MPAJ | Taman Dagang Zon A | 9 | 35 |
| 5 | SELANGOR | GB | Taman Bidara | 5 | 31 |
| 6 | SELANGOR | HS | Apt. Teratai, Bukit Beruntung | 16 | 31 |
| 7 | WPKL | SETAPAK | Tmn Setiawangsa (Kws F) | 18 | 79 |
| 8 | WPKL | SETAPAK | Tmn Setapak Jaya (Kaw G) | 14 | 52 |
| 9 | WPKL | CHERAS | Taman Ikan Emas (Kaw B) | 11 | 52 |
| 10 | WPKL | KLANG. LAMA | Vista Angkasa | 9 | 30 |

Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

11 Mac 2009.